

BAB 3

ISLAM DAN WAWASAN PEMBANGUNAN DALAM POLITIK TURKI PADA TAHUN 1973

3.1 Pendahuluan

Pengharaman Milli Nizam Partisi tidak mematahkan semangat kumpulan Islamis untuk memartabatkan peradaban Islam di Turki. Untuk itu, mereka mengambil langkah berhati-hati dan sentiasa peka terhadap kehendak serta lunas perlembagaan. Milli Selamet Partisi kemudian ditubuhkan dan berjaya memainkan peranan sebagai sebuah pertubuhan politik yang penting dalam suasana politik pelbagai parti di Turki apabila Islam ditampilkan dalam bentuk pendekatan yang dapat disesuaikan mengikut situasi masyarakat, parti-parti pemerintah dan pakatan kerjasama politik dengan lebih berkesan. Peluang yang diberikan ketika membentuk pakatan kerajaan digunakan sebaik mungkin bagi menyampai dan melaksanakan wawasan pembangunan MSP yang tidak meminggirkan peranan agama dalam membentuk budaya, nilai hidup dan peradaban masyarakat yang lebih sempurna dengan acuan keseimbangan di antara pembangunan rohani dan jasmani.

3.2 Milli Selamet Partisi Dalam Politik Turki

3.2.1 Latarbelakang

Milli Selamet Partisi (MSP) ditubuhkan pada 11 Oktober 1972 dan merupakan sebuah parti berhaluan Islam yang menjadi penerus kesinambungan pemikiran Islam Milli Nizam Partisi, setelah MNP diharamkan oleh Mahkamah Perlembagaan Turki pada tahun 1971. Menurut Jacob M. Landau, seramai sembilan belas orang ahli yang terlibat dalam MNP

bertanggungjawab di atas penubuhan MSP.¹ Suleyman Arif Emre, bekas Setiausaha Agung MNP dilantik sebagai pengurusnya yang pertama. Sementara itu Necmettin Erbakan masih lagi menjadi orang penting yang berada di sebalik tabir MSP. Pada peringkat awal, Erbakan dilihat lebih cenderung mengelak dirinya daripada memimpin MSP secara rasmi bagi menghindari parti tersebut dikaitkan secara langsung dengan MNP.²

Dalam kongres pertama MSP pada 21 Januari 1973, Suleyman Arif Emre sekali lagi dilantik sebagai Presiden. Menjelang 16 Mei 1973, iaitu lima bulan sebelum pilihan raya umum diadakan, Erbakan dan dua lagi ahli parlimen Adalet Partisi, iaitu Husamettin Akmumcu dan Huseyin Abbas, menyertai MSP secara rasmi. Erbakan mula memainkan peranannya untuk memimpin MSP dalam kempen pilihan raya 1973. Sementara itu, Suleyman Emre telah meletakkan jawatannya sebagai presiden bagi memberi laluan kepada Erbakan untuk menerajui kepimpinan parti.³

MSP telah menerbitkan akhbar separa-rasminya *Milli Gazete* pada 12 Januari 1973. Hasan Aksay yang merupakan ahli jawatankuasa MNP dan MSP merupakan pemilik dan ketua editor bagi makalah tersebut. Akhbar ini secara langsung atau tidak langsung telah memuatkan pandangan, ucapan rasmi, *worldview* MSP dan beberapa pemimpinnya yang turut sama menjayakan penerbitannya. Slogan utama MSP juga menjadi motto bagi Milli Gazete iaitu “apabila seruan agama dan keadilan disampaikan, kemungkaran terhapus”.⁴ Dalam pada itu, Erbakan secara aktif cuba menjelaskan wawasan pemikiran MSP sebagai parti yang memperjuangkan kepentingan nasional

¹ Jacob M. Landau, “The National Salvation Party in Turkey”, *Asian and African Studies*, Vol. 11, No. 1, Musim Panas 1976, hlm. 6.

² Turker Alkan, “The National Salvation Party in Turkey” dalam Metin Heper, Raphael Israeli (ed.), *Islam and Politics in The Modern Middle East*, (London: Croom Helm, 1984) hlm. 82.

³ Ibid., hlm. 83.

⁴ Lihat, Turker Alkan, “The National Salvation Party in Turkey”, hlm. 83.

melalui gagasan Milli Görusnya yang membawa Turki kepada pembangunan fizikal dan rohani yang berpaksikan Islam secara menyeluruh dan sejagat.

Pilihan raya tahun 1973 merupakan pilihan raya pertama yang membawa detik bersejarah buat MSP selepas penubuhannya. MSP telah berjaya memperolehi 11.8 peratus undi dengan 48 kerusi parlimen dan merupakan parti ketiga terbesar selepas Parti Republik Rakyat (CHP) yang memperolehi 186 kerusi dan Parti Keadilan (AP) dengan 150 kerusi. Dengan hal yang demikian, adalah menjadi suatu yang mustahil bagi CHP yang condong kepada fahaman sekular sosialisme dan AP yang mirip kepada sekular kapitalis untuk membentuk kerajaan campuran sekiranya tanpa penyertaan daripada MSP. Sebelum itu, sebuah kerajaan sementara dibentuk selepas tamat rampasan kuasa tentera 1971 dengan melantik Naim Talu sebagai penyandang Perdana Menteri berkuatkuasa dari bulan April 1973. Namun, perlantikan ini tidak dipersetujui oleh Erbakan dan CHP kerana dianggap tidak sah dari segi perlembagaan dan tidak melalui proses secara demokratik. Melalui pemilihan undi percaya pada Januari 1974, kerajaan campuran antara CHP dan MSP berjaya dibentuk setelah tempoh peralihan kerajaan yang demokratik tertangguh sekian lama.⁵ Bagaimanapun pakatan kerajaan CHP-MSP ini berakhir pada 18 September 1974 apabila Bulent Ecevit meletakkan jawatannya sebagai Perdana Menteri Turki.⁶

Kerajaan Barisan Kebangsaan Pertama kemudiannya dibentuk pada Mac 1975 di bawah kepimpinan Suleyman Demirel. Pakatan kerajaan ini disertai oleh Parti Keadilan (AP), MSP, Parti Gerakan Kebangsaan atau *Milli Hareket Partisi* (MHP) dan Parti Kepercayaan Rakyat atau *Cumhuriyetci Guven Partisi* (Republican Reliance Party).

⁵ Feroz Ahmad, *The Turkish Experiment in Democracy 1950-1975*, (London: C.Hurst & Company, 1977) hlm. 331-335.

⁶ Ibid., hlm. 344.

Pakatan kerajaan campuran ini juga tidak kekal lama dan berakhir pada bulan Jun 1977. Setelah itu, Barisan Kepimpinan Kerajaan Kedua dibentuk pada Ogos 1977 yang dianggotai oleh gabungan kerjasama di antara AP, MSP, dan MHP. Kerajaan campuran ini kemudiannya tamat pada Januari 1978.⁷

Sepanjang menyertai tiga pakatan kerajaan campuran, MSP telah memainkan peranannya yang penting dalam pembangunan politik di Turki. Gagasan modernisasi secara Islam yang berteraskan akhlak dan pembentukan peribadi yang luhur telah ditampilkan sebagai satu dasar yang menggerakkan pembangunan negara. Gagasan ini secara tidak langsung mempertikaikan keberkesanan dan kewajaran program pembaratan ala-Ataturk sebelum ini, yang didapati gagal membangunkan Turki sebagai negara yang maju, bebas dan berdaulat.

3.3 Milli Gorus Dan Wawasan Pembangunan MSP

Milli Gorus atau Gagasan Kebangsaan merupakan slogan utama MNP dan MSP dalam merangka dasar pembangunan negara yang seimbang. Oleh kerana perkataan Islam tidak boleh dijadikan simbol kepada nama pertubuhan dan gerakan masyarakat, maka kumpulan berhaluan Islam menggunakan slogan ini sebagai lambang penyertaan mereka dalam usaha memartabatkan peradaban Islam di Turki. Milli Gorus menjadi agenda penting bagi parti yang diterajui oleh Erbakan sepanjang berada di pentas politik Turki. Pada peringkat awal penubuhan MNP, Milli Gorus agak kurang popular di kalangan masyarakat. Namun setelah MSP ditubuhkan, slogan yang diperjuangkan oleh kumpulan Islamis ini semakin jelas. Penyertaan MSP dalam kerajaan telah memberi ruang kepada mereka menjelaskan pemikiran yang terkandung dalam gagasan ini. Milli Gorus acuan

⁷ Binnaz Toprak, "The State, Politics and Religion in Turkey" dalam Metin Heper dan Ahmet Evin (ed.), *State, Democracy and the Military Turkey in the 1980s*, (New York: Walter de Gruyter, 1988) hlm. 125.

MSP memperlihatkan kelainan dan keistimewaan parti tersebut berbanding parti-parti lain di Turki dari segi *worldview*, prinsip dan wawasan pembangunan politik serta masyarakat. Ini adalah kerana Islam bukan hanya dijadikan perjuangan bagi membela kepentingan sosial, bahkan Islam juga turut dijadikan sandaran dan kerangka utama dalam pembinaan peradaban bangsa Turki dalam semua aspek pembangunan, samada rohani mahupun jasmani yang merangkumi hal ehwal politik dan kepimpinan, perundangan, ekonomi dan perdagangan, pendidikan, hal ehwal agama, pembangunan sosial, budaya dan kebajikan. Malah MSP juga begitu lantang memperjuangkan agenda pembangunan dalam kerangka yang berlatarbelakangkan identiti dan entiti budaya tempatan yang menitikberatkan pencapaian moral dan rohani bagi membentuk masyarakat madani Turki yang memiliki keperibadian yang luhur dan ketinggian nilai peradabannya yang tersendiri.⁸

Aspek terpenting yang ditekankan dalam Milli Gorus ialah memperbetulkan persepsi masyarakat terhadap Islam yang didakwa menjadi punca kepada segala bentuk kemunduran masyarakatnya khususnya kepada bangsa Turki. Malah menurut Erbakan, iaitu pemimpin utama MSP, Baratlah yang perlu dipersalahkan dan dipertanggungjawabkan di atas keruntuhan Kerajaan Islam Uthmaniyah. Walaupun Barat menurut pandangan MSP, sedikit sebanyak telah menyumbang teknologi ketenteraannya untuk membangunkan peradaban Islam, namun salah tanggapan kepimpinan Tanzimat terhadap Islam, (yang didakwa sebagai faktor utama yang mencetus kemerosotan tentera Empayar Uthmaniyah), telah menyebabkan mereka menjadikan program pembaratan sebagai penawar untuk memulihkan kembali peradaban umat yang diibaratkan umpama “Orang Eropah Yang Sakit”.⁹

⁸ Binnaz Toprak, “Politicisation of Islam in a Secular State: The National Salvation Party in Turkey” dalam Said Amir Arjomand (ed.), *From Nationalism to Revolutionary Islam*, (Oxford: MacMillan, 1984) hlm. 126.

⁹ Binnaz Toprak, “The State, Politics and Religion in Turkey”, hlm. 125.

Proses pembaratan ini menurut MSP, telah menjadi petanda kepada kejatuhan masyarakat Islam Uthmaniyyah. Pemikiran pemimpin dan wawasan pembangunan negara telah dibelengu sepenuhnya oleh gaya hidup barat dan telah memberi impak yang amat mendalam dari aspek pembentukan budaya, politik dan pergantungan aktiviti ekonomi.¹⁰ Orientasi budaya Barat yang rendah nilai kesopanan dan akhlaknya serta kegagalan memanfaatkan teknologi dari Barat telah mengheret bangsa Turki ke arah penolakan warisan budaya yang diwarisi sejak sekian lama secara drastik. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa penerimaan program pembaratan ini lebih banyak tertumpu kepada aspek yang mempengaruhi budaya masyarakat Turki termasuk dari segi pemakaian, gaya hidup sehingga membawa kesan terhadap pemikiran dan kehidupan politik seseorang.¹¹ Pada waktu yang sama, menurut MSP, Turki masih tidak mampu berubah kepada sebuah negara industri yang berjaya.¹²

Penerimaan secara menyeluruh peradaban Barat dengan ikutan atau peniruan secara membuta tuli telah menjadikan fungsi, peranan dan kreativiti masyarakat yang menggerakkan peradaban bangsa semakin lemah. Senario sedemikian pernah disentuh oleh beberapa pemikir peradaban dunia seperti Ibnu Khaldun,¹³ Carroll Quigley¹⁴ dan Toynbee¹⁵ sebagai proses jumud yang membantu kreativiti pemikiran manusia terhadap inovasi dan penciptaan teknologi baru. Keadaan ini boleh membawa sesuatu bangsa ke zaman konflik secara berterusan yang mengundang kejatuhan sesebuah peradaban, sekiranya tiada langkah diambil untuk berubah dan memperbaiki suasana. Oleh kerana itu

¹⁰ Ibid., hlm. 125.

¹¹ Menurut Serif Mardin, program pembaratan ini tidak banyak membawa kesan kepada masyarakat luar bandar dan pendalamam. Keteguhan pegangan masyarakat desa ini kepada Islam merupakan salah satu faktor penyebab kepada kurangnya serapan dan impak pembaratan terhadap budaya masyarakat setempat. Keterangan lanjut lihat Serif Mardin, *Religion and Social Change in Modern Turkey: The Case of Bedizzaman Sald Nursi*, (New York: University State of New York Press, 1989).

¹² Binnaz Toprak, "Politicisation of Islam In a Secular State: The National Salvation Party in Turkey", hlm. 123.

¹³ Lihat Ibn Khaldun, *Mukadimah Ibnu Khaldun* (terj.), (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2002) hlm. 175.

¹⁴ Carroll Quigley, *The Evolution of Civilizations*, (Indianapolis: Liberty Press, 1979) hlm. 150-153.

¹⁵ Arnold J. Toynbee, *A Study of History*, (Oxford: Oxford University Press, 1979).

mengikut kaca mata MSP, masyarakat Turki perlu menilai semula proses pembaratan dan keberkesanannya dalam membina imej peradaban bangsa agar ianya selaras dengan norma hidup Islam, keperluan dan budaya hidup masyarakat tempatan yang memiliki nilai yang unik dan tersendiri.¹⁶ Dalam konteks ini, kepimpinan MSP dilihat cuba menjelaskan punca sebenar yang dipercayai telah menggagalkan usaha bangsa Turki untuk terus membangun dengan pesat, lantaran hambatan idea dan pemikiran yang terlalu mengagungkan Barat. Seolah-olah model Barat sahaja yang diiktiraf sebagai sesuatu yang dianggap moden, membangun dan memiliki nilai peradaban yang tinggi. Walau bagaimanapun, Islam secara praktikal melalui pengalaman sejarahnya terbukti telah menjangkaui apa juga bentuk yang disebut sebagai tamadun sama ada dari segi kerohanian mahupun aspek pembangunan kebendaan.¹⁷

Menurut Erbakan, kewujudan sesuatu bangsa adalah bergantung kepada kesedaran secara kolektif terhadap pengalaman sejarah, agama dan budayanya yang lalu. Sesuatu bangsa yang tidak memiliki kesedaran ini akan hilang kepentingan atau mungkin tidak wujud sebagai satu kelompok bangsa. Menurut beliau lagi, selama hampir dua ratus tahun bangsa Turki berada dalam gengaman kuasa asing. Program pembaratan diserapkan tanpa meneliti kepentingan dan keperluannya secara selektif. Kesannya, ia tidak membawa apa-apa makna terhadap pembinaan bangsa dalam erti kata sebenar menurut konsepsi peradaban.¹⁸ Dengan itu, Milli Gorus harus digarap bagi membina kesedaran masyarakat Turki terhadap pengalaman masa lampau melalui pembangunan nilai moral dan rohani dengan menjadikan model gemilang masyarakat madani abad ke-7 hingga ke-14 Masihi yang dibina oleh Rasulullah S.A.W dan para sahabat baginda sebagai contoh

¹⁶ Binnaz Toprak, "Politicisation of Islam in a Secular State", hlm. 123.

¹⁷ Kajian telah membuktikan bahawa orang Islam telah menerokai 60 hingga 70 peratus daripada ilmu kemanusiaan masa kini. Lihat Jacob M. Landau, "The National Salvation Party in Turkey", hlm. 33.

¹⁸ Muhammed Khan Kayani, *Islamist Prime Minister of Turkey & His Political Thoughts*, (Istanbul: The Ummah, 1996) hlm. 25.

ikut terbaik bagi membina peradaban umat yang cemerlang.¹⁹ Beliau juga yakin dan percaya bahawa pembangunan moral dan rohani merupakan aspek yang perlu diberi penekanan penting berbanding pembangunan berbentuk kebendaan kerana pembangunan kebendaan semata-mata adalah suatu yang tidak akan bererti tanpa asas moral dan keperibadian yang kukuh.²⁰

Hal yang demikian, tidak bermakna bahawa MSP tidak memberi perhatiannya kepada pembangunan fizikal, bahkan MSP secara rasmi bergiat aktif dalam merangsang aktiviti yang boleh membantu ekonomi masyarakat Islam khususnya golongan kelas menengah dan sederhana. Apa yang ingin dijelaskan oleh MSP adalah aspek pembangunan yang dipandu oleh kesedaran agama dan rohani bertepatan dengan tuntutan Islam sebenar. Model modenisasi dan pembangunan secara Islam oleh MSP bukanlah suatu yang sinonim dengan maksud moderniti sebagaimana difahami dalam konteks pembaratan. Dengan erti kata lain, idea pemikiran MSP dalam mencapai pembangunan di antara sedar ataupun tidak telah mengangkat autoriti dan kepentingan agama dalam menentukan arus kemajuan masyarakat dan negara. Tambahan pula, ia secara langsung membidas polisi kerajaan sedia ada yang lebih cenderung untuk membebaskan pengaruh agama dalam politik dan arus kemajuan bangsa dengan mengambil peradaban Barat secara menyeluruh.

Sehubungan dengan itu, segala bentuk program pembangunan akan dirujuk kepada Islam terlebih dahulu. Manakala pemikiran yang bercanggah dengan ajaran Islam seharusnya dikaji semula agar agama tidak lihat sebagai suatu yang terasing dalam kehidupan masyarakat. Konsep sekularisme sendiri secara umumnya dilihat cuba menolak kepentingan dan kehidupan beragama, sedangkan Islam tidak sama sekali

¹⁹ Binnaz Toprak, "Politicisation of Islam in a Secular State", hlm. 123.

²⁰ Muhammed Khan Kayani, *Islamist Prime Minister of Turkey*, hlm. 25-26.

membezakan atau memisahkan antara kehidupan pemerintahan negara dan hal kemasyarakatan, politik dan agama. Sekularisasi diumpamakan suatu bentuk polisi dalam negara yang telah membina tembok penghalang dalam masyarakat untuk membayangkan penolakannya terhadap Islam dalam bentuk politik.²¹ Sekularisasi dalam konteks politik di Turki mengikut tafsiran MSP, seharusnya dianggap sebagai ideologi dan prinsip yang dapat menjamin kebebasan berfikir dan beragama serta melindungi mereka yang berpegang teguh kepada agama daripada musuh, penentang agama dan negara. Untuk itu, ia seharusnya tidak dijadikan suatu dasar yang bertujuan menyekat kebebasan hak masyarakat daripada berfikir, bertindak dan mengamalkan ajaran agama masing-masing secara bebas.²² Dalam hal ini, MSP cuba mendefinisikan agama dan politik dengan bentuk pemikiran yang lebih terbuka dalam konteks demokrasi yang diterimakan oleh Barat. Kelemahan sistem demokrasi ini telah digunakan oleh MSP bagi membenarkan agama berperanan dalam menentukan masa depan masyarakat dan hala tuju peradaban bangsa Turki. Namun begitu, MSP agak berhati-hati mengulas isu sekularisme ini secara terbuka bagi mengelakkan sebarang konflik terhadap dasar perlembagaan negara.

Terdapat dua pendekatan berbeza yang diambil oleh MSP berhubung isu sekularisme yang menjadi asas prinsip Kemalisme. Pendekatan secara rasmi yang digunakan oleh MSP melalui ucapan-ucapan, ceramah-ceramah pemimpin parti dan dokumen-dokumen rasmi dilihat berpandangan positif terhadap dasar sekularisme negara. Sebaliknya, di dalam program tidak rasminya melalui penulisan dan penerbitan yang melibatkan pemikiran, ideologi dan pandangan parti, ia memperlihatkan bahawa parti tersebut amat menentang keras dasar tersebut. Pandangan keras MSP terhadap dasar sekularisme dijelaskan oleh Turker Alkan sebagai:

²¹ Binnaz Toprak, "Politicisation of Islam in a Secular State", hlm. 122.

²² Turker Alkan, "The National Salvation Party in Turkey" hlm. 85.

"The political structure of the new Turkey contradicts the political principles of Islam. Islam entails the unification of political and religious powers under domination of religion. In this respect secularism and the secular system are against Islam, shari'a and religion. Especially its application in Turkey is designed to assure irreligiosity.²³ Islam is the rule for all times... It is both religion and state... the Koran has not been revealed to be recited in graveyards or to be closed down in temples. It has been revealed to reign".²⁴

Antara simbolik yang paling penting dalam mewujudkan dasar berteraskan syariah Islam ialah suatu sistem politik kenegaraan yang adil dan saksama yang menjunjung tinggi peranan agama dalam perlumbagaan. Bagi MSP, sistem pemerintahan Khalifah dan negara Islam merupakan suatu simbol yang unik dan menarik untuk dibincangkan dan diaplikasikan dalam masyarakat. Keistimewaan sistem khalifah bukan hanya sebagai lambang yang dapat menjamin kesejahteraan Islam dan umatnya, ia juga menjadi simbol kekuatan dan kesatuan umat Islam di seluruh pelusuk dunia.²⁵

Semenjak kejatuhan Empayar Uthmaniyah Turki, negara-negara Islam telah kehilangan seorang pemimpin agung yang dapat menyatukan mereka di bawah satu lembayung politik dan pemerintahan. Oleh sebab itu menurut MSP, menjadi suatu kewajipan kepada umat Islam untuk mendaulatkan kembali simbol keagungan politik dan perpaduan ini sebagai suatu tuntutan melaksanakan Islam secara syumul dalam pelbagai aspek kehidupan, sebagaimana sistem khalifah ini pernah menjadi tunggak kekuatan sejarah peradaban Islam zaman silam.²⁶ Untuk itu, MSP menyarankan agar semua institusi yang wujud di Turki ditubuhkan berpandu kepada tuntutan al-Quran, termasuk

²³ Dipetik oleh Turker Alkan, "The National Salvation Party in Turkey" hlm. 91, daripada Mehmet Uludag, 'Laiklik Dine Karsi Degil Midir?', *Milli Gazette*, 8 Mac 1980.

²⁴ Ibid., hlm. 91 yang memetik daripada M. Emin Demircan, 'Kelime-I Tevhid ve Islam Nizami', *Milli Gazette*, 6 April 1980.

²⁵ Binnaz Toprak, "Politicisation of Islam in a Secular State", hlm. 123.

²⁶ Ibid., hlm. 123.

dalam bidang perubatan, perdagangan, ketenteraan, industri, pertanian, sosial dan budaya, serta hal ehwal agama.²⁷

Menurut Erbakan, Institusi Islam perlulah bertindak sebagai model untuk menyusun semula masyarakat Turki di segenap lapisan, daripada peringkat atasan hingga bawahan. Manakala, syariat Islam didaulatkan dalam semua aspek kehidupan.²⁸ Perlaksanaan negara Islam akan memberi laluan kepada tertegaknya hukum-hakam, suruhan dan ajaran Islam sehingga ia dapat berkembang dengan subur.²⁹ Pemerintahan negara dikendalikan secara adil dan saksama dengan mengambil kira pandangan semua pihak termasuk masyarakat bukan Islam. Kerjasama ulama dalam politik boleh mewujudkan suasana harmoni dalam negara yang membawa kesan yang cukup besar terhadap kestabilan ekonomi, politik dan sosial masyarakat. MSP yakin bahawa perlaksanaan Syariat Islam menerusi pendekatan politik dapat menjamin keselamatan dan kesejahteraan masyarakat samada di dunia maupun di akhirat.³⁰ Gambaran di atas menjelaskan bahawa kepimpinan MSP cuba membayangkan secara umum struktur pemerintahan negara yang adil dan harmoni melalui gagasan Milli Görüs parti tersebut yang mengambil kira semua aspek pembangunan.

Program pembangunan yang disarankan oleh MSP adalah suatu pakej rangsangan pembangunan secara Islam yang tidak berkiblatkan Barat atau meniru cara Barat³¹ kerana Erbakan yakin bahwa Islam mempunyai caranya dan identitinya tersendiri dalam mencapai kemajuan. Dalam teks ucapan beliau yang di sampaikan di Konya bertajuk

²⁷ Turker Alkan, "The National Salvation Party in Turkey", hlm. 90.

²⁸ Sencer Ayata, "The Rise of Islamic Fundamentalism and Its Institutional Framework" dalam Atilla Eralp, Muharrem Tunay dan Birol Yesilada, (ed.), *The Political and Socioeconomic Transformation of Turkey*, (London: Praeger, 1993) hlm. 62.

²⁹ Fadhlullah Jamil, *Islam Di Asia Barat moden: Sejarah Penjajahan & Pergolakan*, (Selangor: Thinker's Library Sdn Bhd, 2000) hlm. 186.

³⁰ Binnaz Toprak, "Politicisation of Islam in a Secular State", hlm. 124.

³¹ Muhammed Khan Kayani, *Islamist Prime Minister of Turkey*, hlm. 27.

“Positive Science and Islam”, beliau menegaskan bahawa tidak ada silapnya dengan pemikiran yang berlandaskan Islam. Malahan Islam merupakan satu-satunya sumber kebenaran yang bersesuaian dengan fitrah dan sistem hidup manusia.³² Sejarah membuktikan bahawa masyarakat Islam telah terkehadapan dalam penciptaan sains dan teknologi. Barisan tokoh-tokoh Islam seperti Abu Bakar al Razi, Ibnu Sina, Ibnu Rusyd, al Farabi, al Khawarizme dan lain-lain telah membuktikan pencapaian cemerlang peradaban umat Islam dalam inovasi kemajuan sains, perubatan, teknologi dan tradisi keilmuan.³³ Malah peradaban Islam juga berjaya mempamerkan kegemilangan dunia teknologi dan inovasi keilmuannya dalam segenap bidang yang menjadi model dan rujukan kepada ramai cendekiawan Barat ketika Eropah dilanda zaman kegelapan atau *“The Dark Ages”*.

Bersandarkan kepada prinsip ini, Erbakan melihat bahawa telah tiba masanya bagi Turki membangunkan teknologi sains dan industrinya sendiri melalui penggembangan kepakaran tempatan secara teratur dan baik agar Turki tidak terus bergantung sepenuhnya kepada penggunaan barang siap yang didatangkan dari negara luar.³⁴ Langkah pertama yang diambil oleh beliau ialah menyeru kepada rakyat Turki agar bersama-sama membangunkan industri berat tempatan dengan memanfaatkan ilmu dan teknologi yang diimport. Erbakan sebagai pemimpin MSP cuba sedaya upaya menyedarkan masyarakat tentang kepentingan membangunkan industri berat dan kilang-kilang tempatan. Selain memajukan ekonomi negara, ia juga dapat meningkatkan daya kreativiti dan penyertaan masyarakat dalam proses membangunkan negara dan bangsa. Melalui usaha ini, MSP bukan sahaja meletakkan tanggungjawab membina pembangunan bangsa kepada pemimpin yang memerintah negara, malahan turut menggalakkan penyertaan bersama

³² Jacob M. Landau, “The National Salvation Party in Turkey”, hlm. 33, yang merujuk kepada N. Erbakan, *Musbet İlim ve Islam*, Konya, 1970.

³³ Azam Hamzah, “The Intellectual History of al-Ma’mun’s Caliphate 813-833 AD”, (Tesis Sarjana, Universiti St Andrews, 1995), hlm. 15-42.

³⁴ Muhammed Khan Kayani, *Islamist Prime Minister of Turkey*, hlm. 16-17.

sektor swasta, individu, masyarakat kelas menengah dan penduduk luar bandar bagi merancakkan aktiviti ekonomi yang dapat membantu meningkatkan pertumbuhan pembangunan negara. Dalam konteks membangunkan teknologi tempatan pula, tidak menjadi suatu kesalahan bagi masyarakat memanfaatkan teknologi Barat demi kebaikan negara dan bangsa dan bukan sebaliknya.³⁵ Walau bagaimanapun, pemimpin negara harus bijak memilih aspek yang perlu diberi keutamaan dengan melibatkan inisiatif masyarakat di pelbagai peringkat untuk turut menikmati pembangunan negara secara aman, bekerjasama dan bertoleransi.

Gagasan ekonomi yang diperjuangkan oleh MSP menuntut agar kedudukan masyarakat dalam kegiatan ekonomi diperlakukan secara adil. Oleh sebab itu, gagasan ini dirangka bertujuan melindungi industri kecil dan sederhana dengan melibatkan penyertaan masyarakat di pelbagai sektor, selain turut memberi rangsangan terhadap pembangunan industri berat. Dengan mempercayai bahawa segala hasil bumi dan kekayaan yang wujud di dunia ini akan dipertanggungjawabkan di sisi Allah S.W.T, MSP yakin bahawa menjadi tanggungjawab manusia sebagai khalifah Allah S.W.T di muka bumi untuk menguruskan dunia ini dengan baik dan saksama. Lebih-lebih lagi dalam hal yang melibatkan kewangan, pengurusan harta dan kebijakan awam.³⁶

Menurut MSP, kegiatan ekonomi tidak sepatutnya dimonopoli oleh sesetengah pihak sahaja sehingga ia mampu bertindak mengawal aliran ekonomi dan seterusnya mencengkam kehidupan golongan miskin dan sederhana. Pihak kerajaan seharusnya memainkan peranan dalam menyelia suasana ekonomi dengan baik dan bukannya campurtangan secara langsung atau mengawal secara ketat aktiviti ekonomi sehingga

³⁵ Ilter Turan, "Religion and Political Culture in Turkey" dalam Richard Tapper (ed.) *Islam In Modern Turkey: Religion, Politics and Literature In a Secular State*, (London: I.B. Tauris & Co. Ltd., 1994) hlm. 46.

³⁶ Muhammed Khan Kayani, *Islamist Prime Minister of Turkey*, hlm. 33.

boleh mengekang kebebasan individu dan masyarakat.³⁷ Hal yang demikian bertujuan untuk mewujudkan persekitaran ekonomi yang bebas dan adil serta menjamin kesejahteraan masyarakat awam yang berpendapatan rendah. Kemudahan awam seperti bekalan air dan elektrik, penyediaan jalan raya, perumahan, perkhidmatan telefon dan kesihatan di kawasan luar bandar perlu diberi keutamaan.³⁸ Selain daripada itu, sebarang unsur yang boleh membawa kepada pembaziran³⁹ dan penindasan seperti ketidakseimbangan harga barang, riba, faedah dan perniagaan yang berbentuk judi tidak harus dibenarkan sama sekali.⁴⁰

Penguasaan ekonomi negara yang sentiasa dieksplotasi oleh syarikat-syarikat gergasi perdagangan lebih-lebih lagi syarikat-syarikat yang didominasi oleh pihak luar, seharusnya dibendung. Sehubungan dengan itu, MSP menentang penyertaan Turki ke dalam Pasaran Ekonomi Eropah atau *European Economic Community* (EEC) dan NATO kerana bagi MSP ianya tidak memberi manfaat kepada Turki. Kedua-dua kesatuan ekonomi ini didakwa oleh MSP sebagai “kelompok pakatan Kristian-Zionis”⁴¹ yang tidak sepatutnya disertai oleh sebuah negara seperti Turki yang memilliki hampir 99 peratus umat Islam.⁴² Sambil menyifatkan barang keluaran EEC sebagai produk daripada “mentaliti baru pejuang perang salib”, penyertaan Turki ke dalam EEC dilihat boleh memperkasakan lagi rangkaian monopoli perniagaan oleh syarikat-syarikat besar dalam usaha menjatuhkan peniaga-peniaga kecil di wilayah-wilayah Turki.⁴³ Bagi MSP, Turki seharusnya melaksanakan program ekonomi secara Islam yang dapat menjamin kesejahteraan masyarakat dan mengelak apa juga bentuk penindasan terhadap golongan

³⁷ Feroz Ahmad, *The Turkish Experiment In Democracy 1950-1975*, hlm. 332.

³⁸ Jacob M. Landau, “The National Salvation Party in Turkey”, hlm. 10.

³⁹ Ibid., hlm. 13.

⁴⁰ Iler Turan, “Religion and Political Culture in Turkey”, him. 46.

⁴¹ Ibid., hlm. 46.

⁴² William Spencer, “Turkey” dalam *The Middle East*, (Guilford: The Dushkin Publishing, 1994) hlm. 140.

⁴³ Ronnie Margulies dan Ergin Yildizoglu, “The Resurgence of Islam and the Welfare Party in Turkey” dalam Joel Beinin dan Joe Stork (ed.), *Political Islam: Essays from Middle East Report*, (Los Angeles: University of California Press, 1997) hlm. 148.

lain. Bagi merealisasikan cadangan tersebut seharusnya wujud pakatan bersama negara-negara Islam yang dipanggil Pasaran Ekonomi Negara Islam (*Moslem Economic Community*) agar dapat mengukuhkan lagi kedudukan ekonomi dan perpaduan di kalangan umat Islam.⁴⁴ Selaras dengan itu, Erbakan selaku pemimpin MSP, juga mengesyorkan agar ditubuhkan Kesatuan Umat Islam sebagai alternatif kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan versi penyatuan umat Islam daripada NATO.⁴⁵ Selain itu, MSP melihat bahawa model pembangunan yang ditunjukkan oleh Iran sebagai suatu langkah yang amat penting bagi merealisasikan hubungan erat di kalangan negara-negara Islam. MSP menyarankan agar Dunia Islam mencontohi Iran dengan memutuskan hubungan dengan Barat bagi menamatkan belengu “ikatan tuan-hamba” dan memulakan era baru umat Islam secara bebas atas dasar persaudaraan sesama Islam.⁴⁶

Kesatuan negara-negara Islam ini bukan hanya dapat mengeratkan hubungan di kalangan anggota, malah dapat menjalinkan kerjasama dalam bidang yang dapat memberi manfaat secara bersama. Lebih jauh daripada itu, keadaan ini dapat membantu mewujudkan satu rangkaian ekonomi yang kukuh bagi mengelak pergantungan sepenuhnya kepada kuasa-kuasa besar ekonomi yang didominasi oleh Barat. Sekiranya keadaan ini dapat diwujudkan dengan keanggotaan hampir kesemua negara Islam, tidak menjadi suatu yang mustahil sekiranya pakatan negara-negara Islam ini dapat menjadi kuasa pengimbang kepada ekonomi dunia kini. Tambahan pula, kelebihan negara-negara Islam yang kaya dengan sumber minyak dan hasil buminya boleh dan mampu mewujudkan keadaan ini, sekiranya mereka bersatu dan bersepakat dalam apa juga masalah atau bidang secara bersama demi kepentingan ummah sejagat. Dengan kekuatan

⁴⁴ Binnaz Toprak, “The State, Politics and Religion in Turkey”, hlm. 125.

⁴⁵ Binnaz Toprak, “Politicisation of Islam in a Secular State”, hlm. 127.

⁴⁶ Binnaz Toprak, “Politicisation of Islam In a Secular State”, hlm. 127 yang memetik daripada *Cumhuryet*, 1-2 Ogos 1979.

dan persepkatan yang wujud antara negara-negara Islam, mereka tidak perlu lagi takut atau mengikut telunjuk Barat dalam menentukan masa depan rakyat dan negara.

Sehubungan dengan itu, ke arah mencapai matlamat mewujudkan rangkaian kerjasama ekonomi negara-negara Islam, ia memerlukan suatu sistem ekonomi yang benar-benar relevan, mampu diaplikasikan pada masa kini dan dapat menjamin kesejahteraan dan keadilan bagi semua, iaitu sistem ekonomi yang berteraskan Islam. Lantaran itu, MSP menyarankan agar diwujudkan suatu gagasan sistem dinar Islam sebagai satu sistem mata wang yang dapat diterimakai di kalangan negara-negara Islam.⁴⁷ Selain mengukuhkan pasaran ekonomi negara anggota, MSP juga mengharapkan agar sistem ini dapat dijadikan satu mekanisme yang paling praktikal untuk mengelak eksplorasi Barat dalam menentukan arus pasang surut ekonomi negara-negara Islam. Dengan ini, ia menyelamatkan masyarakat Islam dari sistem konvensional sedia ada yang masih lagi terlalu bergantung kepada aliran pasaran ekonomi dunia yang tidak tetap, sentiasa berubah-ubah dan seringkali terdedah kepada ancaman penyangak dan pemanipulasi mata wang. Saranan terhadap perlaksanaan sistem dinar ini bukan sekadar cetusan pemikiran yang dapat menyatakan pembangunan ekonomi negara-negara Islam, malah ia merupakan suatu gagasan yang mampu diaplikasikan sebagai alternatif yang praktikal dalam menghadapi arus ekonomi global yang serba tidak menentu dan tidak seragam.⁴⁸

Sementara itu, dalam bidang pendidikan pula, Milli Gorus dari kaca mata MSP mencadangkan agar sistem pendidikan negara disusun semula selari dengan konsep pendidikan yang berorientasikan Islam. Pendidikan moral, akhlak dan pengajian Islam

⁴⁷ Binnaz Toprak, "Politicisation of Islam in a Secular State", hlm. 127.

⁴⁸ Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad juga pernah menyuarakan saranan terhadap penerimaan sistem dinar dalam beberapa ucapan beliau ketika mengadakan lawatan ke negara-negara Islam.

perlu diberi keutamaan dalam proses pembelajaran dan sistem pendidikan di sekolah-sekolah serta pusat pengajian tinggi.⁴⁹ Penekanan pendidikan moral dalam sistem pendidikan akan menghakis penampilan buruk pelajar serta golongan belia yang mudah terdedah dengan budaya yang tidak sihat dan gaya hidup bebas seperti meniru budaya hidup Barat ala-hippi yang berambut panjang dan sebagainya. Manakala, nilai akhlak yang disemai di kalangan gadis pula diharap dapat mendidik mereka dengan cara hidup yang lebih bermoral dan bersopan.⁵⁰ Selain daripada itu, Erbakan juga percaya bahawa nilai sejarah dan bangsa perlu ditanamkan kepada para pelajar sambil mendidik mereka agar menghormati golongan yang lebih tua.⁵¹ Keperihatinan kepimpinan MSP terhadap nilai disiplin, budaya dan akhlak generasi muda telah mendesak kerajaan agar melaksanakan orientasi pendidikan bersepadu yang lebih menitikberatkan nilai akhlak.

MSP melihat pendidikan agama dan akhlak sebagai penentu bagi mencapai keberkesanan pendidikan dalam negara kerana kemajuan sesuatu bangsa tidak hanya berpusat kepada pembangunan yang berasaskan intelek semata-mata. Lebih penting daripada itu, pendidikan bertujuan membentuk keperibadian dan kesedaran pelajar yang tinggi dari segi tingkah laku, pengetahuan agama dan perkembangan minda. Kesepaduan dan keseimbangan pembangunan rohani dan intelek ini diharap dapat mencerna kemajuan minda dan syahsiah diri pelajar yang unggul sebagai penerus generasi dalam menentukan hala tuju negara dan masyarakat pada masa hadapan.

MSP juga mendokong amalan demokrasi dalam bentuk yang membenarkan kebebasan bersuara, berfikir, bertindak dan mengamalkan ajaran agama tanpa sebarang campurtangan pihak pemerintah. Bagi MSP, rakyat melalui dasar demokrasi sedia ada,

⁴⁹ Alan R. Taylor, *The Islamic Questions in Middle East Politics*, (London: Westview Press, 1988) hlm. 90.

⁵⁰ Dipetik oleh Turker Alkan, "The National Salvation Party in Turkey" hlm. 94.

⁵¹ Ibid., hlm. 93.

seharusnya diberi hak dan kebebasan dalam menentukan pembangunan ekonomi dan sosial secara adil melalui polisi ekonomi yang dapat dimanfaatkan oleh masyarakat keseluruhannya dan bukan hanya dikuasai oleh sesetengah pihak sahaja.⁵² Golongan pekerja dan buruh berhak mendapat layanan baik atas dasar kemanusiaan sebagai sebuah komuniti masyarakat yang dijamin keselamatan dan kebajikannya. Bersesuaian dengan slogan yang termaktub dalam nama parti, Milli Selamat Partisi (MSP) sebagai “penyelamat”, iaitu menyelamatkan negara daripada apa juga bentuk yang membawa kepada ketidakadilan sosial dan ekonomi serta melindungi kepentingan warganya sama ada golongan pedagang, pekerja, peniaga kecil dan masyarakat awam dalam mengurus atau menyelia sumber asli dan minyak negara dengan baik.⁵³ Dasar kebebasan MSP tidaklah bermaksud membenarkan ekonomi kapitalis berperanan secara meluas sehingga boleh meminggirkan kepentingan dan kebajikan golongan yang lemah.⁵⁴

Milli Gorus yang disarankan oleh MSP dapat disimpulkan dalam empat perkara utama. Pertama, Islam dijadikan teras dalam membina kerangka peradaban ummah yang menidakkannya model pembaratan dan sekularisasi warisan Ataturk. Selain itu, gagasan Milli Gorus telah menjelaskan peranan agama dalam pembentukan budaya dan politik masyarakat sesuai dengan keperluan semasa. Milli Gorus juga cuba membina kesedaran masyarakat dalam meningkatkan taraf hidup sosial melalui wawasan pembangunan ekonomi secara adil dan saksama dalam sebuah negara yang moden. Akhirnya, moral, etika atau akhlak dijadikan simbol sangat bagi memperjuangkan kebebasan agama, bertindak, berfikir dan bersuara selaras dengan slogan demokrasi yang dilaungkan oleh Barat.

⁵² Feroz Ahmad, *The Turkish Experiment in Democracy 1950-1975*, hlm. 332.

⁵³ Ibid., hlm. 332-333.

⁵⁴ Frank Tachau, “The Republican People’s Party” dalam Metin Heper dan Jacob M. Landau (ed.), *Political Parties and Democracy in Turkey*, (London: I. B. Tauris & Co. Ltd., 1991) hlm. 111.

Gagasan pembangunan bersepada ini digarap bagi membentuk identiti bangsa yang memiliki ciri keperibadian yang sempurna dengan penampilan syahsiah diri, akhlak, akal budi dan pekerti yang baik, di samping mempunyai iltizam yang tinggi dalam membina aspek pembangunan fizikal demi mencapai kemajuan dan kesempurnaan hidup. Dengan ini, Milli Gorus diharap dapat melahirkan kesedaran masyarakat yang berbangga dan menyanjung tinggi nilai budaya dan agamanya melalui pengalaman sejarah silamnya bersama Islam.

3.4 MSP dan Kerjasama Politik

Sepanjang tempoh lapan tahun antara tahun 1972-1980, Milli Selamet Partisi telah menyertai tiga pakatan kerajaan campuran. Dalam tempoh ini, MSP berjaya menyesuaikan dirinya untuk bersama-sama turut serta menyumbangkan wawasannya ke arah pembangunan negara dalam pakatan kerajaan yang terdiri daripada pelbagai aliran parti. Pakatan kerajaan campuran pertama dibentuk bersama CHP, iaitu sebuah parti sekular berhaluan kiri yang amat kuat pegangannya terhadap dasar Ataturk dan sosialisme di bawah pimpinan Bulent Ecevit yang berlangsung hampir sembilan bulan kerana perletakan jawatan Ecevit sebagai Perdana Menteri Turki.⁵⁵ Berikutan terlerainya pakatan kerajaan campuran ini, kerajaan campuran kedua dibentuk di bawah kepimpinan Suleyman Demirel yang turut disertai oleh MSP. Kerajaan yang didirikan di antara bulan Mac 1975 hingga bulan Jun 1977 ini telah menggabungkan kerjasama politik di antara parti-parti yang berhaluan kanan dan kiri. Parti yang berhaluan kanan terdiri daripada Adalet Partisi (AP), Milli Hareket Partisi (MHP) dan MSP yang berorientasikan agama. Manakala Cumhuriyetci Guven Partisi (CGP) merupakan parti berhaluan sederhana. Walaupun MSP mengalami kemerosotan hampir separuh daripada undinya selepas

⁵⁵ Feroz Ahmad, *The Turkish Experiment in Democracy 1950-1975*, hlm. 344.

pilihan raya 1977, namun begitu, MSP turut dipelawa menganggotai kerajaan campuran yang dibentuk pada Ogos 1977 dalam gabungan kerjasama di antara AP, MSP, dan MHP. Kerajaan campuran ini kemudiannya tamat pada Januari 1978.⁵⁶

Kebijaksanaan kepimpinan MSP oleh Necmettin Erbakan telah membolehkan MSP menggunakan peluang ketika berada dalam pakatan kerajaan campuran untuk menuntut beberapa jawatan penting dalam kerajaan. Antara jawatan penting yang diwakili oleh anggota MSP ialah Timbalan Perdana Menteri yang disandang oleh Necmettin Erbakan, Suleyman Arif Emre sebagai Menteri Negara, Menteri Kehakiman disandang oleh Sevket Kazan, Menteri Dalam Negeri diwakili oleh Oguzhan Asilturk, Menteri Industri dan Teknologi oleh Abdulkerim Dogru, Menteri Perdagangan oleh Fehim Adak dan Menteri Makanan, Pertanian dan Ternakan oleh Korkut Ozal.⁵⁷ Walaupun MSP hanya mampu menguasai tujuh portfolio daripada dua puluh lima kerusi kabinet, ianya merupakan landasan yang amat baik kepada MSP untuk memainkan peranan dengan lebih berkesan, di samping memberi ruang yang agak selesa untuk MSP menyalurkan program pembangunan yang telah dirancang. Walaupun begitu, dalam kerajaan campuran kedua yang dibentuk bersama AP, MSP berjaya mendapat lebih satu portfolio daripada kerajaan campuran sebelumnya.⁵⁸

Sepanjang berada dalam kerajaan campuran antara tahun 1973 hingga tahun 1980, MSP telah melaksanakan beberapa program pembangunan khususnya ke arah pembentukan akhlak dan rohani masyarakat yang dijalankan secara berperingkat bermula

⁵⁶ Binnaz Toprak, "The State, Politics and Religion in Turkey", hlm. 125.

⁵⁷ Jacob M. Landau, "The National Salvation Party in Turkey", hlm. 32-37. Lihat juga Feroz Ahmad, *The Turkish Experiment in Democracy 1950-1975*, hlm. 357.

⁵⁸ Agihan anggota kabinet kerajaan campuran pada 31 Mac 1975 dianggotai oleh 16 orang menteri AP, 8 orang menteri MSP, 4 orang wakil CGP dan 2 orang wakil MHP. MSP diwakili oleh Necmettin Erbakan (Timbalan PM), Hasan Akay (Negara), Ismail Muftuoglu (Kehakiman), Oguzhan Asilturk (Dalam Negeri), Fehim Adak (Kerja Raya), Korkut Ozal (Makanan dan Pertanian), Ahmet Tevfik Paksu (Buruh) dan Abdulkerim Dogru (Industri). Lihat Feroz Ahmad, *The Turkish Experiment in Democracy 1950-1975*, hlm. 348 dan 360-361.

dengan pendidikan di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi. Dalam temuramah bersama Erbakan oleh majalah Impact International, London, Erbakan menyatakan bahawa dalam tempoh empat tahun semasa MSP berada dalam kerajaan, jumlah guru-guru agama dan sekolah Imam Hatip meningkat⁵⁹ daripada 35,000 buah kepada 60,000 buah. Sebanyak 350 buah sekolah baru telah dibuka yang menjadikan jumlah pengambilan pelajar sekolah agama mencecah 200,000 orang pelajar menjelang tahun 1979.⁶⁰ Manakala, pendidikan moral telah diwajibkan di sekolah-sekolah. Lepasan pendidikan sekolah agama pula telah diberi kedudukan dan keistimewaan yang sama, seperti mana lepasan sekolah yang lain. Antaranya termasuklah berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi atau diserapkan ke sektor perkhidmatan dan pekerjaan.⁶¹

Kesempatan yang diberikan kepada MSP dalam kerajaan juga digunakan untuk melaksanakan program pembangunan Islam. MSP berjaya menggunakan kuasanya meluluskan peruntukan yang besar untuk membina masjid di desa-desa. Sebanyak lima ribu buah masjid baru dibina dan TL 500 juta diperuntukkan untuk urusan membaik pulih dan penyelenggaraan masjid-masjid di seluruh negara.⁶² Walaupun begitu, pencapaian dan kejayaan terbesar MSP selama berkuasa dalam kerajaan Turki ialah merombak beberapa dasar sekular yang diamalkan di Turki demi memastikan hak dan kepentingan masyarakat Islam terus terpelihara. Antaranya termasuklah membenarkan masyarakat Islam menunaikan Haji ke Makkah melalui jalan darat yang sebelum ini hanya terhad kepada laluan udara sahaja. Rancangan berbentuk keagamaan dan pendidikan akhlak turut diberi penekanan menerusi saluran televisyen dan radio tempatan dengan peruntukan

⁵⁹ Jeremy Salt, "Nationalism and the Rise of Muslim Sentiment in Turkey", *Middle Eastern Studies*, Vol. 31, No. 1, Januari 1995, hlm. 16.

⁶⁰ Dipetik dari *Readings in Islam Quarterly*, No. 5, Suku Kedua, 1399/1979, hlm. 57.

⁶¹ Ibid., hlm. 57.

⁶² Ibid., hlm. 57.

masa yang lebih panjang.⁶³ Usul untuk meminda cuti mingguan kepada hari Jumaat turut dikemukakan oleh semua ahli Dewan Perhimpunan Negara MSP ke parlimen.⁶⁴ MSP juga cuba menangani beberapa isu patung dan bahan luah melalui kuasa Menteri Dalam Negeri yang juga merupakan anggota MSP. Atas arahan Menteri Kehakiman, juga merupakan anggota MSP, tindakan undang-undang dikenakan ke atas pengarah sebuah stesyen televisyen tempatan di atas tayangan dokumentari yang mengandungi unsur luah. Penjualan arak tanpa permit di semua permis perniagaan dan restoran juga diharamkan dan pemantauan dilakukan di bawah pengawasan Menteri Dalam Negeri.⁶⁵

Masalah sosial remaja dan masyarakat turut dibimbangi dan mendapat perhatian utama pemimpin MSP. Ia dijadikan agenda penting MSP bagi memulihkan kembali budaya dan akhlak masyarakat yang kian meruncing, lantaran gaya hidup Barat yang semakin menular. MSP berusaha menggembangkan segala kekuatannya dalam kabinet bagi menangani masalah ini. Umpamanya di bawah kuasa Menteri Perdagangan, anggota MSP telah menolak permohonan mendirikan pusat pelancongan atas alasan bahawa pelancong boleh merosakkan moral masyarakat Turki. Para isteri pemimpin MSP pula mempamerkan gaya pemakaian yang bersesuaian dengan ciri wanita Islam moden yang menepati kehendak agama.⁶⁶ Fesyen pemakaian tudung, skirt labuh dan baju berlengan panjang ini dapat menjadi alternatif dan contoh terbaik kepada generasi muda khususnya tentang etika pemakaian dan berbudaya agar kelihatan lebih bersopan dan bermoral.

MSP juga turut menyumbang tenaga dan kepakarannya dalam menyuntik pembangunan ekonomi dan industri dalam negara. Malah menurut Hootan Shambayati,

⁶³ Jacob M. Landau, "The National Salvation Party in Turkey", hlm. 3; *Readings in Islam Quarterly*, hlm. 57.

⁶⁴ Ibid., hlm. 43. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan undang-undang berhubung perkara ini tidak diperolehi.

⁶⁵ Binnaz Toprak, "Politicisation of Islam in a Secular State", hlm. 124-125.

⁶⁶ Ibid., hlm. 125.

galakan dan sokongan MSP terhadap perindustrian dan teknologi lebih ketara berbanding agama. Hal ini dibuktikan melalui ucapan-ucapan Erbakan dan usaha-usaha yang dilakukan oleh menteri-menteri serta anggota MSP sepanjang menyertai kerajaan.⁶⁷ Erbakan juga kerap mengadakan lawatan dalam negeri dengan menghadiri majlis perasmian kompleks-kompleks perniagaan dan industri.⁶⁸ Tambahan pula, perlantikan Erbakan sebagai Pengerusi Dewan Perdagangan dan Industri atau lebih dikenali dalam bahasa Turki sebagai TOB antara tahun 1966 hingga tahun 1969 memberikan kelebihan kepada MSP bertapak kukuh dalam sektor ekonomi dan perdagangan.⁶⁹ Keadaan ini turut dibantu oleh kementerian-kementerian yang diwakili oleh anggota MSP.

Menurut Erbakan, MSP telah merancang sebanyak dua ratus pertumbuhan industri berat seperti pembuatan enjin, elektro-mekanikal, peralatan jentera dan industri pesawat udara. Kerja-kerja pembinaan telah pun dimulakan sejak dari tahun 1976 dan tahun 1977 lagi, tetapi embargo ketenteraan dan ekonomi oleh kuasa barat telah banyak menyekat usaha tersebut. Turki juga tidak dibenarkan mengeksport lebihan gandumnya bermilai TL 500 juta.⁷⁰

Dasar luar negara juga turut mengalami perubahan semasa MSP memegang tumpuk pemerintahan kerajaan. Jika sebelumnya, dasar luar Turki banyak tertumpu kepada hubungannya dengan Barat dan Israel, namun setelah MSP berada dalam kerajaan, keperluan untuk mengadakan hubungan yang lebih akrab dengan Dunia Islam telah diberi penekanan oleh kerajaan, di samping mempersetujui kesediaan Turki

⁶⁷ Hootan Shambayati, "The Rentier State, Interest Groups, and the Paradox of Autonomy", *Comparative Politics*, Vol. 26, No. 3, April 1994, him. 317.

⁶⁸ Binnaz Toprak, "Politicisation of Islam in a Secular State", him. 126.

⁶⁹ Hootan Shambayati, "The Rentier State, Interest Groups", him. 314-316.

⁷⁰ *Readings in Islam Quarterly*, him. 57.

bekerjasama dalam Kesatuan Eropah.⁷¹ Sekatan senjata oleh Amerika Syarikat akibat krisis di Cyprus, kenaikan harga minyak dunia dan idea negara Dunia Ketiga juga merupakan faktor yang mengeratkan lagi hubungan Turki dengan negara-negara Islam yang lain.⁷²

Dalam pilihan raya 1977, MSP telah mengalami kemerosotan undi dengan hanya memperolehi sebanyak 8.56 peratus undi atau 24 kerusi. Kemerosotan undi yang agak serius terus berlaku dalam pilihan raya pada 14 Oktober 1979 apabila MSP hanya mampu memperolehi 4 kerusi parlimen berbanding AP mendapat 33 kerusi, CHP memperolehi 12 kerusi dan MHP 1 kerusi.⁷³ Namun begitu, MSP masih menyertai kerajaan campuran Turki pimpinan Suleyman Demirel, walaupun hanya sebagai parti minoriti dengan peranan yang lebih kecil.

3.5 Rampasan Kuasa Tentera 1980

Rampasan kuasa tentera pada 12 September 1980 telah menamatkan segala aktiviti politik Milli Selamet Partisi serta ke semua pertubuhan politik berhaluan kiri dan kanan Turki. MSP diharamkan atas alasan ia telah menggunakan agama untuk tujuan politik yang jelas bertentangan dengan dasar yang diamalkan oleh negara. Usaha dan kejayaan MSP dalam mengubah beberapa dasar kerajaan terhadap pendidikan dan hubungan luar juga menimbulkan keresahan di kalangan kebanyakan pemimpin tentera.⁷⁴ Selain itu,

⁷¹ Dalam hal yang berkaitan dengan hubungan Turki dan Pasaran Eropah, Erbakan berpendapat bahawa EU seharusnya menjadi satu institusi ekonomi dan kerjasama perdagangan. Beliau tidak sedia menerima intergrasi sosial dan politik kerana Turki mempunyai entitinya tersendiri. Binnaz Toprak, "Politicisation of Islam in a Secular State", hlm. 58.

⁷² Keterangan lanjut lihat Ekmeleddin Ihsanoglu, "Turkey in the Organization of the Islamic Conference: An Overview", *International Journal of Turkish Studies*, Vol. 6, No. 1 & 2, Musim Sejuk 1992-1994, hlm. 73-99.

⁷³ Turker Alkan, "The National Salvation Party in Turkey" hlm. 84-85.

⁷⁴ George S. Harris, "The Role of the Military in Turkey in the 1980s: Guardians or Decision-Makers?" dalam Metin Heper dan Ahmet Evin (ed.), *State, Democracy and the Military Turkey in the 1980s*, (New York: Walter de Gruyter, 1988) hlm. 192.

perhimpunan politik anjuran MSP yang disertai kira-kira seratus ribu orang penyokongnya di Konya turut mengundang tindakan tegas diambil ke atas parti tersebut. Ketidakstabilan politik, peningkatan kadar inflasi dan keganasan oleh kumpulan-kumpulan radikal memberi petanda bahawa Turki memerlukan kuasa yang dapat memulihkan kembali sistem demokrasi dan keamanan kepada suatu keadaan yang lebih stabil dan terjamin.⁷⁵

Susulan daripada rampasan kuasa ini, segala aktiviti politik dalam negara telah digantung. Suleyman Demirel dan Bulent Ecevit bersama-sama enam puluh orang pengikutnya ditahan, akan tetapi dibebaskan semula tidak berapa lama selepas itu. Sebaliknya, Necmettin Erbakan yang dibebaskan setelah berada dalam tahanan tentera, telah ditahan semula dua hari kemudian, atas tuduhan melanggar beberapa kesalahan undang-undang negara. Selain itu, beberapa buah organisasi daripada kumpulan berhaluan kiri dan kanan yang disyaki terlibat dalam aktiviti keganasan turut juga ditahan.⁷⁶ Pada bulan Februari 1981, mahkamah tentera telah mengemukakan dakwaan ke atas Erbakan dan tiga puluh tiga ahli Majlis Tertinggi MSP. Mahkamah mendapati MSP bersalah menggunakan agama atas tujuan politik. Serentak dengan keputusan itu, Erbakan telah dijatuhkan hukuman penjara selama empat tahun, manakala dua puluh lima lagi ahli MSP dikenakan antara dua ke tiga tahun penjara.⁷⁷ Tindakan di atas jelas menunjukkan bahawa ketakutan pihak pemerintah terhadap matlamat MSP untuk melaksanakan syariah Islam dalam pemerintahan merupakan di antara faktor utama rampasan kuasa tentera dilakukan di samping beberapa sebab sampingan yang lain.

⁷⁵ Kemal H. Karpat, "Turkish Democracy at Impasse: Ideology, Party Politics and the Third Military Intervention", *International Journal of Turkish Studies*, Vol. 2, No. 1, Muslim Bunga/Musim Panas, 1981, hlm. 2, 1-4.

⁷⁶ Ibid., hlm. 5.

⁷⁷ Binnaz Toprak, "Politicisation of Islam in a Secular State", hlm. 132.

Di antara tujuan pengambilalihan kuasa oleh pihak tentera dilaksanakan adalah untuk memperkuatkannya negara dan menyusun semula politik Turki melalui penubuhan sebuah institusi perundangan yang baru. Kesannya, Perlembagaan 1982 dibentuk untuk memperbetulkan beberapa kelemahan yang didapati daripada Perlembagaan tahun 1961. Dasar tersebut antara lain telah menghadkan hak dan kebebasan individu, organisasi, pertubuhan sukarela dan aktiviti parti-parti politik. Undang-undang Pilihan Raya 1983 telah mengubah peraturan pilihan raya dengan menetapkan bahawa setiap parti yang bertanding hendaklah mencapai sepuluh peratus daripada keseluruhan undian bagi melayakkannya mewakili Parlimen. Penggubalan undang-undang ini sudah pasti memberi kesan terhadap parti-parti kecil termasuk parti-parti berhaluan Islam dan sebaliknya mampu memperkuatkannya lagi parti yang dapat meraih undi majoriti. Walau bagaimanapun, keputusan pilihan raya umum 1983 dan pilihan raya majlis perbandaran 1984 telah memberi petunjuk kepada beberapa perubahan politik dalam negara.⁷⁸

Jika dibandingkan dengan rampasan kuasa 1971 yang memaksa campurtangan kerajaan secara ketat ke atas hal ehwal agama, pihak kepimpinan tentera pasca-rampasan kuasa 1980 pada kali ini cuba mencari jalan tengah dalam menangani krisis di antara kepentingan agama dan prinsip sekular negara.⁷⁹ Tambahan pula, terdapat beberapa petunjuk dalam negara selepas rampasan kuasa tentera 1980 ini yang telah memberi kesan terhadap beberapa polisi kepimpinan tentera. Pertama, peningkatan kepentingan negara-negara Islam Timur Tengah sebagai rakan perdagangan dan ikatan hubungan diplomatik yang akrab dengan negara-negara Islam akibat kerenggangan hubungan Turki dengan Barat, telah mendorong kepimpinan Turki untuk meningkatkan hubungan dengan negara-negara Islam di rantau ini. Selain itu, kerajaan juga telah mengenalpasti program

⁷⁸ Binnaz Toprak, "The State, Politics and Religion in Turkey", hlm. 126-127.

⁷⁹ Sam Kaplan, "Din-U Devlet All Over Again? The Politics of Military Secularism and Religious Militarism in Turkey Following the 1980 Coup" *International Journal of Middle East Studies*, Vol. 34, 2002, hlm. 119-120.

berbentuk keagamaan yang boleh diserapkan dalam beberapa dasar negara. Melihat situasi yang berlaku dalam politik negara, pemimpin negara melihat bahawa agama mampu dijadikan sebagai alat terpenting dalam perjuangan menentang kezaliman dan keganasan.⁸⁰

Politik Turki menjelang tahun 1980-an telah memperlihatkan beberapa perubahan terhadap dasar dalam dan luar negara, khususnya berkaitan peranan Islam dalam masyarakat dan pemerintahan. Dasar terbuka Turgut Ozal, selaku pemimpin Parti Ibu Pertiwi atau *Anavatan Partisi* (ANAP) dalam politik dan ekonomi turut membantu meningkatkan lagi aktiviti bercorak keagamaan. Sokongan beliau terhadap program pembangunan Islam sama ada dalam mahupun luar negara telah menonjolkan peranan Turki di kalangan negara-negara Islam. Hal yang demikian, turut membantu melebarkan sayap golongan berhaluan Islam untuk terus memainkan peranan dalam politik, institusi pendidikan dan aktiviti kemasyarakatan.⁸¹ Contohnya, terdapat beberapa jabatan kerajaan dikatakan menjadi landasan kepada gerakan dan perkembangan idea golongan Islamis.⁸² Peranan yang dimainkan oleh pelajar lepasan Madrasah Imam Hatip dalam perkhidmatan kerajaan mahupun dalam politik negara telah menggerakkan lagi kecenderungan menghidupkan budaya Islam dalam institusi-institusi awam dan organisasi-organisasi sosial. Sementara itu, Refah Partisi yang semakin mendapat perhatian dalam pilihan raya majlis perbandaran tempatan turut menjadi tapak kepada golongan Islamis mengembangkan idea dan pengaruhnya dalam masyarakat. Parti yang ditubuhkan oleh bekas kepimpinan MSP ini menjadi semakin popular menjelang tahun 1990-an sehingga mampu mendirikan kerajaan campuran bersama Parti Jalan Kebenaran (*Dogru Yol Partisi*) pada bulan Jun 1996.

⁸⁰ Sencer Ayata, "The Rise of Islamic Fundamentalism and Its Institutional Framework", hlm. 64.

⁸¹ Jeremy Salt, "Nationalism and the Rise of Muslim Sentiment In Turkey", hlm. 16-20.

⁸² Binnaz Toprak, "The State, Politics and Religion in Turkey", hlm. 131-134.

3.6 Kesimpulan

Milli Selamet Partisi berjaya memainkan peranannya yang penting sebagai sebuah parti berteraskan Islam di Turki antara tahun 1973-1980 dengan segala bentuk kelenturan dan kebijaksanaannya bertoleransi dengan pelbagai aliran parti ketika berada dalam kerajaan. Sebagai parti ketiga terbesar di Turki, MSP berjaya menggunakan kedudukannya dalam kerajaan untuk membenarkan Islam terus berperanan dalam menentukan corak hidup dan masa depan masyarakat melalui gagasan modernisasi secara Islam dan wawasan pemikiran Milli Gorus parti tersebut yang mudah diterima oleh pelbagai pihak. Melalui usaha MSP juga, suara Islam semakin lantang, berpengaruh dan mula dirasai umum sama ada di dalam mahupun di luar Turki. Walaupun berada dalam kerajaan dalam tempoh masa yang singkat serta peranan yang dimainkan oleh MSP lebih kecil sepanjang menyertai kerajaan campuran pada tahun 1977-1980, namun begitu, MSP masih menjadi parti minoriti yang berperanan dalam menentukan kesinambungan sesebuah kerajaan campuran.